



TERMA & SYARAT PINJAMAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

1) Tempoh dan Jumlah Bayar Balik

Bayaran bulanan hendaklah di buat pada 5 haribulan pada setiap bulan. Pihak RHB Bank Berhad ("Bank") juga berhak meminda jumlah bayaran bulanan/tempoh pinjaman pada bila-bila amsa berhubung dengan perubahan dalam Kadar Asas. Walaubagaimanapun peminjam akan dimaklumkan mengenai perubahan bayaran tersebut dan tarikh ia berkuatkuasa.

2) Proses Permohonan dan Kemudahan

- 2.1 Peminjam dikehendaki menandatangani dokumen-dokumen berikut sebagai cagaran pinjaman.
- Borang ASNB PT (Borang Pelaburan Tambahan)
 - Memorandum of Deposit for Unit Trust (First Party/third Party)"
 - Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Saham Amanah menerusi Pembiayaan / Pinjaman
 - Surat Akaun dan Pengesahan

3) Syarat-syarat Lain

- 3.1 Peminjam dikehendaki membayar faedah harian selepas pinjaman dikeluarkan.
- 3.2 Pihak bank berhak untuk mencairkan sijil-sijil ASB sekiranya berlaku hal penamatan.
- 3.3 Notis empat belas (14) hari akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya peminjam gagal menjelaskan ansuran bulanan untuk dua (2) bulan berturut-turut. Peminjam diberikan empat belas (14) hari untuk membuat bayaran ansuran yang tertunggak. Sekiranya peminjam gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh empat belas (14) hari tersebut, pihak Bank akan menjual sijil-sijil ASB tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada peminjam.
- 3.4 Pihak Bank adalah bebas dan berhak mengenakan dan/atau memindahkan segala yuran atau bayaran dari semasa ke semasa jika perlu.
- 3.5 Pihak Bank berhak untuk mengenakan dan/atau mengubah kadar sewa, yuran dan/atau caj -caj lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari di mana pihak Bank berhak untuk menandatangani akaun tersebut. Berdasarkan budi bicara mutlak Bank, notis untuk perubahan, penambahan, atau pindaan akan berkuatkuasa melalui:-
- Mempamerkan notis tersebut di premis Bank dan cawangan-cawangannya untuk jangka masa tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari atau dengan menghantar notis tersebut kepada peminjam ; atau
 - Mempamerkan notis tersebut melalui laman web RHB Bank.
- 3.6 Pihak Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) memberi notis pada bila-bila masa dan dengan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada peminjam sebelum menggabungkan, menyatukan, atau menggabungkan semua atau mana-mana akaun dan liabiliti peminjam di Bank di mana-mana sahaja sama ada dalam atau di luar Malaysia sama ada bersendirian atau bersama dengan mana-mana orang lain dan boleh dipindah atau ditolak apa-apa jumlah wang dalam baki kredit atau ke arah penyelesaian mana-mana liabiliti peminjam sama ada sebenar atau kontingen, utama atau cagaran walaupun baki kredit akaun dan apa-apa liabiliti dalam akaun yang lain tidak boleh dinyatakan dalam mata wang yang sama dan pihak Bank diberi kuasa untuk melaksanakan apa-apa penukaran yang perlu pada kadar pertukaran berkesan daripada pihak Bank.
- 3.7 Tanpa menjejaskan perkara di atas, pihak Bank berhak memberi notis dengan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada peminjam pada bila-bila masa sebelum menandatangani mana-mana akaun (sama ada dalam baki kredit atau baki debit) dengan pihak Bank untuk semua bayaran yang tertunggak dan perlu dibayar oleh peminjam dalam apa jua keadaan kepada pihak Bank.
- 3.8 Dengan syarat semua pembayaran yang kena dibayar untuk Kemudahan Perbankan sama ada prinsipal dan/atau faedah hendaklah telah dibayar sehingga tarikh kena dibayar, anda bebas pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu untuk membayar awal amaun Kemudahan Perbankan yang belum dijelaskan, sepenuhnya atau sebahagiannya tertakluk pada syarat yang berikut :
- Bagi prapembayaran sebahagian pinjaman, tiada fi prapembayaran akan dikenakan
 - Prapembayaran atau pembayaran berlebihan pinjaman akan memberikan kesan terhadap pengiraan caj faedah
- 3.9 Sekiranya peminjam telah memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat peminjam bagi maksud jualan silang, pemasaran dan promosi dalam borang permohonan pinjaman peminjam dan peminjam kemudiannya memilih untuk memberhentikan kebenaran tersebut atau sebaliknya, peminjam boleh menghubungi Cawangan Domisil RHB Bank Berhad untuk mengubah pilihan tersebut.

4) Pembatalan Kemudahan Pinjaman / Tindakan Undang-Undang

- 4.1 Pihak Bank adalah berhak menahan sebarang pengeluaran pinjaman, atau/dan menarik balik kemudahan pinjaman atau / dan mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam sekiranya terdapat sebarang pembayaran balik pinjaman tidak dijelaskan oleh pihak peminjam, atau didapati mana-mana pihak mengambil tindakan mahkamah yang melibatkan peminjam atau akaun bersekutu dengan peminjam di mana peminjam adalah pemilik, ahli kongsi, pengarah atau peminjam, atau terdapat perintah mufis, tidak siuman atau berlakunya kematian ke atas peminjam.
- 4.2 Bagi menyelesaikan baki atau penamatan pinjaman atas permintaan peminjam, notis jualan selama satu (1) bulan hendaklah dikemukakan kepada cawangan-cawangan yang berkenaan. Manakala bagi akaun tertunggak selama dua (2) bulan atau lebih, pihak Bank berhak menjual sijil-sijil ASB peminjam tanpa sebarang notis.



5) Lain-lain Fi, Caj dan Cukai

- 5.1 Segala bayaran guaman, fi penjagaan, fi pengendorsan, duti setem atau bayaran luar jangka berhubung dengan pinjaman ini termasuk penyediaan, setem dan pendaftaran dokumen-dokumen cagaran hendaklah ditanggung oleh peminjam dari tarikh Surat Tawaran ini walaupun dokumen-dokumen tersebut tidak ditandatangani oleh peminjam di atas apa-apa sebab sekalipun.
- 5.2 Fi penjagaan, fi pengendorsan dan duti setem akan dikenakan dan didebitkan dari akaun pinjaman.
- 5.3 Bagi mengelakkan keraguan, peminjam hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau Cukai Barangan dan Perkhidmatan "CBP"), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

6) Caj Lewat dan Yuran Keluar Awal / Bayaran Denda

- 6.1 Caj pembayaran lewat dengan kadar faedah 1% setahun ke atas bayaran tertunggak akan dikenakan jika peminjam gagal membayar ansuran bulanan pada 5hb setiap bulan. Ia akan dikira setiap hari ke atas jumlah lalai dan akan menyebabkan yang belum dijelaskan bertambah.
- 6.2 sekiranya peminjam menyelesaikan pinjaman ASB sepenuhnya dalam masa dua (2) tahun pertama dari tarikh pengeluaran bayaran pinjaman ini, yuran keluar (exit fees) sebagai denda / ganti rugi kepada Bank yang berdasarkan ke atas perbezaan di antara kadar pinjaman Lembaga ASB dengan kadar pinjaman promosi/khas akan dikenakan.

7) Pemberi Maklumat / Biro Pusat Kredit

- 7.1 Peminjam dengan ini bersetuju bahawa selagi pinjaman / kemudahan yang tersebut di atas masih berkuatkuasa atau belum dijelaskan kesemuanya, pihak Bank berhak untuk memberi maklumat tentang pinjaman termasuk akaun masa kini atau akaun-akaun di masa akan datang dengan pihak Bank kepada syarikat-syarikat yang menjadi atau akan menjadi syarikat induknya dan/atau anak-anak syarikatnya. Syarikat induk Bank dan anak-anak syarikatnya juga berhak untuk memberi maklumat-maklumat kepada pihak Bank dan/atau anak-anak syarikatnya dengan syarat pihak Bank mengambil setiap langkah yang perlu untuk memastikan maklumat-maklumat tersebut dirahsiakan di kalangan anak-anak syarikatnya/syarikat induk Bank.
- 7.2 Untuk makluman peminjam, Bank Negara Malaysia telahpun menubuhkan Biro Pusat Kredit (Central Credit Bureau). Tujuannya ialah untuk membolehkan sesebuah bank di Malaysia mendapatkan maklumat mengenai seseorang peminjam, kemudahan kredit yang telah diberikan kepadanya oleh bank-bank yang lain, dan prestasinya. Oleh itu adalah menjadi syarat kepada kemudahan ini, dan adalah dianggap bahawa kebenaran peminjam (yang tidak boleh dimansuhkan) dengan ini diberikan, sebarang maklumat mengenai peminjam kemudahan ini, dan prestasi peminjam akan diberi secara sulit dan berterusan kepada Biro Pusat Kredit.
- 7.3 Apa-apa notis yang perlu diberikan di bawah perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dianggap sebagai sempurna disampaikan kepada peminjam jika dihantar secara pos berdaftar ke alamatnya dan hendaklah dianggap sebagai sempurna disampaikan atau diberikan kepada peminjam jika dihantar secara pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan atau ke alamatnya yang terakhir sekali diketahui. Semua notis yang disampaikan secara pos berdaftar hendaklah dianggap sebagai telah dihantar dan telah diterima sepenuhnya oleh pihak Bank.

8) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Untuk pertanyaan, sila hubungi talian 1-800-88-2575

9) Penyata Daripada Bank

- (i) Penyata daripada Bank mengenai jumlah wang yang tertunggak, terhutang dan perlu dijelaskan, adalah muktamad dan tidak akan dipersoalkan oleh Pelanggan jika tiada kesilapan yang nyata, atas apa jua alasan sekalipun.
- (ii) Sekiranya anda memilih untuk e-Penyata dalam Jenis Penyata, anda dengan ini mengakui bahawa anda telah membaca, bersetuju dan memahami kandungan yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengguna Penyata Elektronik - Terma & Syarat ("Terma & Syarat e-Penyata ") dan anda bersetuju bahawa anda akan terikat dengan Terma & Syarat e-Penyata tersebut. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk mengubah, meminda, menambah dan / atau memadam mana-mana fasal dalam Terma & Syarat e-Penyata tersebut. Anda boleh melihat Terma & Syarat e-Penyata dengan melayari www.rhbgroupp.com

10) Lain-lain

Peminjam dikehendaki mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan mengisytiharkan sama ada mempunyai sebarang keluarga terdekat atau saudara terdekat (termasuk pasangan/anak-anak pasangan peminjam, ibu bapa peminjam dan abang, kakak, adik peminjam dan pasangan mereka) yang berada di dalam pekerjaan atau secara langsung berkaitan dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Kumpulan Perbankan RHB yang akan bercanggah dengan Garisan Panduan ke atas Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan atau mana-mana peuntukan itu. Pihak Bank berhak menarik balik atau/dan mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam sekiranya peminjam gagal memberi keterangan yang benar atau bercanggah dengan Akta tersebut.